

**Majlis Penyampaian Bantuan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan
Universiti Luar Negara Tahun 2024 Tajaan Yayasan LTAT.**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Marilah kita bersama-sama mengambil kesempatan untuk merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT.
2. Kerana, di sebalik tuntutan tugas, kita semua berkesempatan untuk berhimpun pada hari ini bagi bersama-sama merai dan mengiktiraf, kecemerlangan anak-anak anggota ATM.
3. Kecemerlangan yang sudah pastinya terhasil dari kerja keras anak-anak kita.
4. Dan kecemerlangan yang saya percaya, terhasil daripada didikan serta disiplin yang diterapkan oleh anggota-anggota kita selaku ibu bapa. Jadi, sekalung tahniah saya ucapkan kepada semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Sebentar tadi kita telah melihat dan mendengar sedikit sebanyak berkenaan dengan program ini.
6. Ia merupakan satu insentif khas yang kita susun dan berikan sejak 2001 ekoran kecemerlangan pendidikan tinggi anak-anak anggota ATM.
7. Saya gembira melihat bagaimana program ini telah sentiasa dikembangkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa.
8. Semua itu sebetulnya bukan sekadar rutin. Atau kita lakukan hanya untuk melengkapkan aktiviti tahunan.
9. Sebaliknya, kita perkenalkan program bantuan dan insentif ini dengan matlamat dan hasrat yang tersendiri.
10. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk tegaskan mengapa Kementerian Pertahanan sangat memberi perhatian dan menyokong program-program yang bersifat kesejahteraan seperti ini.

11. Mengapa kita mengambil inisiatif untuk memberi insentif kepada anak-anak anggota ATM yang berjaya melanjutkan pengajian ke menara gading?
12. **Pertama**, kerana insentif dan bantuan seperti ini sebenarnya adalah satu bentuk penghargaan dan penzahiran ucapan terima kasih secara tidak langsung oleh Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan atas pengorbanan dan jasa anggota ATM.
13. Selain memastikan latihan yang mencukupi, aset yang moden dan terkini, serta aspek-aspek kebajikan atau kesejahteraan hidup para anggota ATM yang bersifat secara langsung, kita mesti turut menumpukan kepada aspek kesejahteraan yang bersifat tidak langsung seperti ini.
14. Menjadi hasrat dan cita-cita saya untuk melihat kejayaan pendidikan anak-anak ATM. Saya yakin, ia adalah salah satu faktor utama yang dapat mencetus moral dan ketenangan atau *peace of mind* kepada anggota ATM.
15. Kita sedia maklum, para pahlawan negara sering berjauhan daripada keluarga atas komitmen tugas.
16. Namun semua itu tidak seharusnya menjadi alasan untuk kita mengabaikan masa hadapan serta kecemerlangan pendidikan anak-anak anggota kita.
17. **Kedua**, apabila kita perkenalkan program dan insentif sebegini, sudah pastilah ia akan turut menjadi tarikan kepada masyarakat di luar sana untuk menghormati dan menyertai ATM.
18. Ini kerana, mereka dapat melihat bahawa ekosistem dan kualiti hidup anggota ATM adalah baik dan sentiasa diberikan perhatian. Khususnya dalam aspek pendidikan anak-anak anggota ATM, sama ada dari peringkat rendah, sekolah menengah atau pun pendidikan tinggi.
19. **Ketiga**, kita mahu menjadikan pengiktirafan kecemerlangan akademik ini sebagai salah satu strategi untuk menarik bakat terbaik menyertai ATM.

20. Sepanjang hujung minggu yang lalu saya dan delegasi MINDEF berada di Singapura untuk menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan di bawah Five Power Defence Arrangements (FPDA) dan Shangri La Dialogue 2024.
21. Penyertaan saya dalam kedua-dua platform tersebut telah mengukuhkan keyakinan kita untuk terus memberi perhatian kepada pelbagai bentuk ancaman dan cabaran baharu pertahanan.
22. Seperti yang kita tahu, cabaran pertahanan dan kedaulatan negara sudah semakin rumit, pelbagai dan tidak menentu.
23. Ia hadir dalam bentuk yang tidak diduga, dengan cara dan pendekatan yang tidak diduga.
24. Hampir semua Menteri Pertahanan dari pelbagai negara yang saya temui mengakui, keperluan dan kepentingan untuk mengukuhkan ketumbukan pertahanan dengan pelbagai jenis ilmu, kemahiran dan keupayaan.
25. Berbekalkan realiti tu, MINDEF dan ATM mahu memberi perhatian kepada usaha mengumpul bakat-bakat terbaik.
26. Kita mahu menarik seramai mungkin bakat-bakat terbaik dalam pelbagai bidang di luar sana untuk menyertai ATM.
27. Jadi, kita harap, melalui pengiktirafan kecemerlangan pendidikan seperti ini, kita dapat menyampaikan mesej yang jelas kepada semua pihak. Bahawa, Kementerian Pertahanan dan ATM mahukan bakat terbaik menyertai pasukan kita.
28. Hanya dengan mempunyai bakat terbaik, pelbagai keperluan dan cabaran pertahanan masa depan dapat kita uruskan dengan berkesan.
29. **Keempat**, kita lakukan pemberian insentif ini kerana kita percaya, kejayaan pendidikan anak-anak anggota ATM adalah salah satu bentuk pelaburan ke atas benteng pertahanan jangka panjang.
30. Dengan memberi fokus kepada usaha melahirkan generasi masa hadapan yang pintar, yang boleh menyumbang kepada negara, sudah pastilah ia akan membantu pembangunan dan kemajuan negara.

31. Namun, secara tidak langsung, perkara tersebut sebenarnya akan turut menyumbang kepada keutuhan pertahanan negara.
32. Ini kerana, apabila generasi masa hadapan adalah mereka yang berpendidikan tinggi, pintar dan berilmu, adalah lebih mudah untuk kita meneruskan agenda pertahanan dan kedaulatan negara.

Hadirin dan hadirat,

33. Kepada semua para penerima, syabas dan tahniah saya ucapkan.
34. Ambil ruang dan peluang berada di menara gading ini untuk membina kematangan diri. Laluilah alam kedewasaan kalian dengan meneroka sebanyak mungkin ilmu dan kemahiran.
35. Dunia yang menanti kalian pada masa hadapan, sangat mencabar. Dan hanya dengan ilmu yang tinggi kita akan berupaya untuk berhadapan dengan semua itu.
36. Kepada para ibu bapa, tahniah atas kejayaan anak-anak tuan-tuan dan puan-puan. Ini adalah kejayaan tuan-tuan dan puan-puan juga.
37. Seperti yang saya sebutkan tadi, saya percaya, sebagai ibu bapa, tuan-tuan dan puan-puanlah yang bertanggungjawab mencorak dan mendidik keperibadian mereka selama ini. Sehingga muncul sebagai anak-anak yang cemerlang.
38. Kepada Yayasan LTAT, saya gembira mendengar bahawa program ini sentiasa diperluas dan ditambah baik.
39. Saya harap Yayasan LTAT akan terus mencari sumber, kerjasama dan pendekatan baharu agar sokongan kepada kecemerlangan pendidikan anak-anak anggota ATM seperti ini, dapat terus diperkukuh dan diperluas.
40. Terima kasih atas komitmen, sumbangan dan kesungguhan Yayasan LTAT dalam bersama-sama membangunkan kecemerlangan pendidikan anak-anak ATM.

41. Tidak dilupakan, kepada semua pihak swasta, sektor korporat dan agensi-agensi yang terlibat dalam memberi sumbangan dan menyokong usaha menjayakan pendidikan anak-anak ATM selama ini.
42. Ini termasuklah pihak MIGHT, PTPTN, Yayasan Peneraju, Kumpulan Affin, BHPetrol, Boustead Holdings, Boustead Properties, PERNAMA dan Bank Pembangunan Malaysia serta pelbagai agensi lain yang mempunyai kerjasama dengan Yayasan LTAT dan MINDEF.
43. Kepada pihak EKUINAS yang hadir dan turut serta hari ini, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan atas persetujuan dan kesudian menaja dan menjayakan **program tuisyen percuma yang dikenali sebagai Sentuhan Elit SPM di 6 buah sekolah Menengah di dalam kem-kem yang terlibat.**
44. Saya harap, kita semua akan terus dapat bekerjasama dalam mencari inisiatif bagi mengangkat dan mengiktiraf kecemerlangan anak-anak anggota ATM.
45. Sekali lagi, tahniah dan syabas kepada semua para penerima. Selamat maju jaya.
46. Sekian, terima kasih.